

PRASANGKA DAN DISKRIMINASI (Part 6)

Izwyn Binti Zulkapri, Khalifah Mastura Binti Hassan & Nurul Sa'adah Binti Sabdin

POLIGAMI

Perkahwinan bukanlah semata-mata satu ikatan yang menghalalkan perhubungan di antara dua jantina lelaki dan perempuan, tetapi kesinambungan institusi kekeluargaan. Perkahwinan adalah suatu ikatan perkongsian hidup di mana semangat kebersamaan, saling menghormati dan rasa penuh tanggungjawab perlu dipertahankan dalam apa juga keadaan.

“Bergaullah dengan mereka secara baik dan mungkin kamu benci kepada isteri-isteri kamu. Mungkin kamu benci kepada sesuatu sedangkan Allah menjadikan padanya kebaikan yang baik.” (an-Nisa’:19)

Menurut Ahmad Shukri, perkahwinan memerlukan kepada beberapa unsur iaitu sakinah (ketenangan), mawaddah (kasih sayang) dan rahmat (kasihan belas). “Ketiga-tiganya perlu digaul bagi menjadi makanan pasangan suami isteri sepanjang hidup bersama,” katanya. Jika sewaktu bujang kita seorang pemaarah, cepat melenting dan panas baran, apabila beristeri atau bersuami ubahlah sikap itu perlahan-lahan,” katanya. Beliau mendapati banyak pasangan yang tidak tahu matlamat rumah tangga sehingga apabila bergaduh kecil pun mengungkapkan cerai atau mencari alternatif lain seperti poligami.

Poligami merupakan kelebihan kepada kaum lelaki dimana secara prinsipnya terdapat unsur-unsur diskriminasi, dan fenomena ini yang berlaku di seluruh dunia, termasuk Malaysia, penuh dengan masalah sosial. Antara masalah yang terdapat dalam sistem berpoligami adalah seperti pengabaian isteri dan anak-anak dan kesempatan yang diambil oleh pihak suami untuk berkahwin lebih daripada satu tanpa pengetahuan isteri. Daripada kajian kita, didapati poligami telah menimbulkan pelbagai masalah seperti masalah kewangan dan ini yang kemudiannya akan menjurus kepada masalah kemiskinan di kalangan wanita dan kanak-kanak.

Mengenai isu poligami sebagai kelebihan atau keistimewaan bersyarat, ia telah disalahgunakan. Poligami telah wujud sebelum zaman Nabi Muhammad, dan telah dihadkan kepada hanya empat orang isteri. Pada zaman sekarang di mana wanita lebih mempunyai

peluang berdikari dan bekerja, kita perlu meneliti faktor-faktor perlunya poligami dan syarat - syarat yang telah dikenakan ke atas poligami supaya ia tidak dipraktikkan dengan sewenang-wenangnya.

Bagi kaum wanita, poligami merupakan perkataan keramat yang apabila didengari boleh menyebabkan mereka meracau atau mengamuk terhadap suami mereka yang hendak berkahwin lagi. Kehebatan penentangan kaum hawa terhadap isu poligami bukanlah mereka tidak bersetuju seratus peratus poligami tetapi mereka sangsi di atas kemampuan dan tanggung jawab kaum lelaki terhadap isteri-isteri mereka. Seperti yang dinyatakan dalam surah An-Nisa ayat 3, Allah berfirman yang antara lain bermaksud;

“Dan jika kamu takut tidak berlaku adil terhadap perempuan-perempuan yatim (apabila kamu berkahwin dengan mereka), maka berkahwinlah (dengan) perempuan-perempuan lain yang kamu berkenan, dua, tiga atau empat. Kemudian jika kamu bimbang tidak akan berlaku adil (di antara isteri-isteri kamu) maka (berkahwinlah dengan) seorang sahaja, atau memadailah dengan hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Itu adalah lebih dekat (untuk mencegah) supaya kamu tidak melakukan kezaliman ”.

Menurut Dr. Muhammad al-Bahi dalam bukunya yang diterjemahkan ke bahasa Melayu oleh Fathurrahman (1988), poligami bukanlah suatu prinsip yang wajib dilaksanakan di dalam syariah Islam sehingga boleh menyebabkan berdosa jika tidak mengamalkannya. Poligami hanya merupakan perkara harus dan satu *rukhsah* (keringanan) dalam keadaan darurat. Jelasnya di sini, walaupun bahasa yang digunakan di dalam ayat di atas berunsur perintah, ia bukanlah membawa kepada makna wajib dilaksanakan. Bahkan jika diamati ia boleh membawa kepada suatu tegahan dan haram hukumnya jika suami yang berpoligami tidak berupaya berlaku adil dan mengakibatkan penganiayaan terhadap isteri yang dikahwini.

Dari sudut prasangka dan diskriminasi berpoligami (rujuk keratan akhbar Utusan Malaysia keluaran 22 Januari 2001) merujuk kepada pernyataan dari pakar psikologi dari Universiti Putra Malaysia. Beliau pernah mengendalikan satu kes seorang isteri datang mengadu tentang suami yang berkahwin kali kedua. Si isteri bukan menghalang suaminya berkahwin dua tetapi bakal isteri kedua suaminya pada pandangannya mempunyai akhlak yang rendah. Satu kes pula suami yang berpoligami mengadu bahawa selepas rahsianya

berkahwin satu lagi isterinya telah mengamuk dan membaling barang-barang di dalam rumah.

Kedua-dua kes ini boleh dirumuskan, iaitu prasangka seorang isteri dalam poligami bermula dari perasaan atau emosi negatif melebihi dari kawalan dirinya ke arah positif. Seorang isteri walau mempunyai ilmu pengetahuan agama yang baik dan memahami poligami merupakan satu tuntutan syarak, tetapi selagi dikatakan perempuan mereka mudah melayan perasaan.

Kebenaran berpoligami bukanlah satu peluang yang baik kepada kaum lelaki tetapi merupakan satu tanggungjawab yang besar sekiranya diamalkan. Seseorang yang hendak berpoligami hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh syarak supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan tidak berlaku.